KOPERASI PAKAR DIITAL KEDAH BERHAD
(CODEX)

# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-5

**KOPERASI PAKAR DIGITAL (CODEX) KEDAH BERHAD**

**SELASA**
29 JULAI 2025

**MASA**
9:00 AM - 11:00 AM

**ONLINE ZOOM**

Maklumat Lanjut
**www.codex.berhad.com.my**

Hubungi Kami
**+013-297 2725**

# Daftar Kandungan


| | |
|---|---|
| Aturcara Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-5 | 1 |
| Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-5 | 2 |
| Maklumat Koperasi Pakar Digital Kedah Berhad | 3 |
| Agenda Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-5 | 8 |
| Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-4 | 9 |
| Laporan Tahunan Anggota Lembaga Koperasi Tahun 2024/2025 | 19 |
| Penyata Kewangan Untuk Tahun Berakhir 31 Januari 2025 | 34 |
| Anggaran Belanjawan Tahunan 2025/2026 | 53 |
| Senarai Usul Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Pakar Digital Kedah Berhad | 54 |
| Lampiran 1 (Senarai Ahli Berdaftar) | 55 |

# Aturcara Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-5

| | |
|---|---|
| 8:30 am | Pendaftaran ahli di sesi Zoom Meeting |
| 9:00 am | Bacaan Doa |
| | Ucapan Aluan Pengerusi Koperasi Pakar Digital Kedah Berhad<br>Ts. Adi Affandi Bin Ahmad |
| | Perasmian Wakil SKM Wilayah Kubang Pasu/Padang Terap |
| | Mesyuarat AGM Ke-5 Dimulakan Mengikut Agenda Mesyuarat |
| 11:00 am | Bersurai |

# Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-5

**Koperasi Pakar Digital Kedah Berhad**
d/a InterNetWorks Research Lab
Pusat Pengajian Pengkomputeran
06010 UUM Sintok, Kedah
Tel : +604 928 5293/5479 Faks : +604 928 5067 Email : admin@codex.berhad.com.my

10 Julai 2025

Kepada : Yang Dihormati
Semua Anggota Koperasi Pakar Digital Kedah Berhad

Prof., Prof. Madya, Dr.,Tuan/Puan,

**NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-5 KOPERASI PAKAR DIGITAL KEDAH BERHAD**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-5 akan diadakan secara dalam talian (platform zoom) seperti ketetapan berikut:-

**Tarikh : 29 Julai 2025 (Selasa)**

**Masa : 9.00 pagi – 11.00 pagi**

**Tempat : Zoom Meeting**

3. Sehubungan itu, tuan/puan yang telah menjelaskan Modal Syer berjumlah RM300.00 dijemput hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi kali ke-5 bagi melaksanakan tanggungjawab bersama. Agenda mesyuarat adalah seperti di Lampiran A.

4. Kepada anggota yang mempunyai usul-usul untuk dibentangkan dan dibahaskan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan ini boleh mengemukakannya di dalam borang yang dilampirkan dan dihantar kepada setiausaha (**email : admin@codex.berhad.com.my**) pada atau **sebelum 22 Julai 2025**. Usul-usul yang diterima selepas itu atau semasa Mesyuarat Agung Tahunan adalah tidak dibahaskan.

5. Sehubungan dengan itu, semua angota koperasi dijemput hadir ke mesyuarat tersebut bagi membincang agenda di atas. Kerjasama dari pihak Prof/Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang Menjalankan Amanah

**BAHARUDIN OSMAN**
Setiausaha
Koperasi Pakar Digital Kedah Berhad

s.k - Fail
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Wilayah Utara

# Maklumat Koperasi Pakar Digital Kedah Berhad

| | |
|---|---|
| **PENGERUSI** | Ts. Adi Affandi Bin Ahmad |
| **TIMBALAN PENGERUSI** | Dr. Amran Bin Ahmad |
| **SETIAUSAHA** | Dr. Baharudin Bin Osman |
| **BENDAHARI** | Dr. Khuzairi Bin Mohd Zaini |
| **ANGGOTA LEMBAGA** | Prof Ts. Suhaidi Bin Hassan<br>Prof. Madya Dr. Azman Bin Ta'a<br>Prof Madya Dr. Khairudin Kasiran<br>Prof. Madya Dr. Kamal Imran Bin Mohd Sharif<br>Dr. Ahmad Suki Bin Che Mohamed Arif<br>Dr. Mohamed Ali Bin Saip<br>Encik Rushdi Bin Idrus<br>Encik Mohd Samsu Bin Sajat |
| **JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN** | Prof. Madya Dr. Yuhanis Binti Yusof<br>Prof Madya Nor Iadah Binti Yusop<br>En. Ts. Ali Yusny Bin Daud |
| **PEJABAT INDUK** | d/a InterNetWorks Research Laboratory<br>Pusat Pengajian Pengkomputeran<br>06010 UUM Sintok, Kedah<br>Tel:+604 928 5293/5479<br>Email: admin@codex.berhad.com.my |
| **BANK UTAMA** | Maybank Islamik Berhad, Jitra, Kedah |
| **JURU AUDIT LUAR (2024)** | SKM Wilayah Kubang Pasu |

# Visi, Misi , dan Objektif

| | |
|---|---|
| **Visi CodeX** | Menerajui ekosistem keusahawanan digital untuk memperkasakan individu, organisasi dan komuniti |
| **Misi CodeX** | CodeX beriltizam untuk menjadi peneraju ekosistem keusahawanan digital dengan :<br>• Menyediakan infrastruktur ekosistem keusahawanan digital untuk penyertaan akademia dan industri dalam ekonomi berasaskan pengetahuan dan kemahiran<br>• Memperkasakan aktiviti inovasi sosial dan teknikal berasaskan digital<br>• Menyumbang kepakaran dan kemahiran teknologi digital melalui jalinan kerjasama industri dan komuniti |
| **Objektif** | • Membangunkan sebuah platform bersepadu bagi menyokong ekosistem keusahawanan digital<br>• Menyediakan khidmat sokongan yang berkualiti bagi menyokong ekosistem keusahawan digital<br>• Menganjurkan seminar, pameran dan aktiviti digital yang berkesan sejajar dengan keperluan semasa untuk memberi manfaat kepada komuniti<br>• Menganjurkan projek teknologi digital di peringkat komuniti dengan memanfaatkan kepakaran akademia dan industri, yang memberi impak positif terhadap peningkatan kemahiran dan keupayaan komuniti. |

# Ahli Lembaga Koperasi

## KOPERASI PAKAR DIGITAL KEDAH BERHAD

### Carta Oranisasi



**Ts. Adi Affandi Ahmad**
Pengerusi



**Dr. Amran Ahmad**
Timbalan Pengerusi



**Dr. Khuzairi Mohd Zaini**
Bendahari



**Dr. Baharudin Osman**
Setiausaha



**Prof. Ts. Dr. Suhaidi Hassan**
ALK



**Prof. Madya Dr. AzmanTa'a**
ALK



**Prof. Madya Dr. Mohd Khairuddin Kasiran**
ALK



**Ts. Dr. Mohamed Ali Saip**
ALK



**Dr. Ahmad Suki Che Mohamed Arif**
ALK



**En. Mohd Samsu bin Sajat**
ALK



**En. Mohd. Rushdi bin Idrus**
ALK



**Prof Madya Dr. Kamal Imran Mohd Sharif**
ALK

# Perakuan Pendaftaran Koperasi

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

**PERAKUAN PENDAFTARAN KOPERASI**

*Adalah dengan ini diperakukan bahawa*

**KOPERASI PAKAR DIGITAL KEDAH BERHAD**

*dan undang-undang kecilnya telah didaftarkan di bawah*

*subseksyen 7(1) Akta Koperasi 1993.*

*Ditandatangani dan dimeteraikan pada hari ini*

***lapan belas** haribulan **Februari** tahun **dua ribu dua puluh.***

**(DATUK NORDIN BIN SALLEH)**
***Pengerusi Eksekutif***
***Suruhanjaya Koperasi Malaysia***

**(ZAINAL ABDIN BIN AB MANAF)**
***Setiausaha***
***Suruhanjaya Koperasi Malaysia***

*No. Daftar:* ***202063401036***
*Ruj:* ***SKM.IP.(PEND)K-1126/(1)***

7

# Perakuan Pendaftaran Ahli ANGKASA

angkasa

**ANGKATAN KOPERASI KEBANGSAAN MALAYSIA BERHAD**

**اڠكاتن كوفراسي كبڠسان مليسيا برحد**

**(Malaysian National Co-operative Movement)**

## SIJIL KEANGGOTAAN

Adalah dengan ini diperakui bahawa

**KOPERASI PAKAR DIGITAL KEDAH BERHAD**
Bil. Daftar **202063401036**

telah diterima menjadi anggota ANGKASA dengan kelulusan

Mesyuarat JawatankuasaTadbir Kebangsaan

pada **15 JUN 2020**

**DATO' HJ. ABDUL FATTAH HJ. ABDULLAH**
**Presiden**

**Bil. Anggota: 11141/KH0845**

# Agenda Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-5 Koperasi Pakar Digital Kedah Berhad

1. Melantik Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi dan pencatat minit.
2. Melantik penentusah minit mesyuarat AGM Ke-5 seramai 10 orang yang terdiri daripada 6 orang di kalangan anggota dan 4 orang dikalangan ALK.
3. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Ke-4.
4. Membentang Laporan Tahunan Lembaga Koperasi 2024/2025.
5. Membentangkan Penyata Kewangan beraudit berakhir 31 Januari 2025.
6. Membentangkan dan meluluskan belanjawan Koperasi bagi tahun 2025/2026.
7. Melantik Ahli Lembaga Koperasi (ALK) bagi menggantikan EMPAT orang ALK yang akan digugurkan mengikut giliran. (Dr. Baharudin Osman, Dr. Khuzairi Mohd Zaini, Dr. Amran Ahmad dan Dr. Mohamed Ali Saip)
8. Meluluskan pelantikan satu panel yang tidak kurang daripada dua orang juruaudit, yang merupakan juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya atau pegawai Suruhanjaya, untuk mengaudit akaun Koperasi;
9. Menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi sebanyak RM1.5 juta.
10. Menimbang dan meluluskan ruang lingkup had pelaburan sebanyak RM1 juta.
11. Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa aduan atau usul yang baginya suatu notis tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan Kali Kelima.
12. Hal-hal lain
13. Penangguhan mesyuarat

**Koperasi Pakar Digital Kedah Berhad**
d/a InterNetWorks Research Lab
School Of Computing
06010 UUM Sintok, Kedah
Tel : +604 928 5293/5479 Faks : +604 928 5067 Email : admin@codex.berhad.com.my

# MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-EMPAT TAHUN 2024

Tempat : Bilik Mesyuarat InterNetWorks & Zoom Meeting
Tarikh : 27 Ogos 2024 (Selasa)
Masa : 9.00 pagi – 11.00 pagi

**SENARAI KEHADIRAN**

Sila rujuk Lampiran A

**TURUT HADIR**

1. Puan Nazarina Harun (Pegawai Hal Ehwal Ekonomi, SKM Wilayah Kubang Pasu)
2. Cik Atfa Humaira Ahmad Zaini (Pencatat Minit)

## 1.0 ALUAN PENGERUSI MAJLIS

1.1 Pengerusi majlis memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam, terima kasih, serta mengalu-alukan kehadiran semua anggota koperasi yang hadir bagi Mesyuarat Agung Tahunan Kali Keempat (MAT Ke-4). Majlis diteruskan dengan bacaan doa oleh Dr. Amran Ahmad.

1.2 Prof. Ts. Dr. Suhaidi Hassan mengalu-alukan kehadiran Yang Berusaha Puan Nazarina Harun, Wakil SKM Wilayah Kubang Pasu, para Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Dekan Pusat Pengajian Pengkomputeran UUM, serta semua anggota koperasi yang hadir pada mesyuarat MAT Ke-4 kali ini. Beliau menyatakan harapan agar semua anggota dapat menjayakan koperasi ini.

1.3 Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Dr. Amran Ahmad atas usaha gigihnya dalam membangunkan sistem pengurusan koperasi yang kini berada di peringkat pengujian. Beliau berharap agar sistem tersebut dapat digunakan dengan jayanya pada masa akan datang, baik di koperasi ini mahupun koperasi-koperasi yang lain.

1.4 Prof. Ts. Dr. Suhaidi Hassan juga memaklumkan bahawa CodeX telah mengambil Cik Atfa Humaira sebagai Pegawai Penyelidik sepenuh masa dengan gaji rasmi serta turut membiayai yuran pengajian beliau di peringkat sarjana sebagai salah satu sumbangan kepada universiti. CodeX juga menerima pelajar-pelajar praktikal, bukan sahaja dari UUM tetapi dari seluruh universiti di Malaysia. Namun, beliau memaklumkan bahawa Cik Atfa terpaksa meletakkan jawatan atas urusan keluarga.

1.5 Pengerusi majlis menjemput Yang Berusaha Puan Nazarina Harun untuk menyampaikan ucapan dan seterusnya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Keempat (MAT Ke-4) Koperasi Pakar Digital Kedah Berhad.

1.6 Dalam ucapannya, Puan Nazarina Harun mengucapkan tahniah kepada koperasi atas komitmen tinggi yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas-tugas koperasi dari tahun 2023 hingga 2024. Beliau juga

mengucapkan tahniah kepada semua anggota yang hadir dalam mesyuarat ini, menunjukkan komitmen yang baik dari semua pihak.

1.7 Puan Nazarina memaklumkan bahawa kawasan operasi dan keanggotaan koperasi tidak terhad kepada warga UUM sahaja, dan mencadangkan agar koperasi mempertimbangkan penambahan anggota baru yang layak dalam kawasan operasi yang ditetapkan (Kubang Pasu, Alor Setar dan Kulim). Selain itu, beliau menekankan kepentingan untuk memperbaiki aturan koperasi, di mana setiap koperasi perlu memiliki peraturan yang jelas untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya. Oleh itu, pihak CodeX disarankan menyediakan perancangan aktiviti koperasi yang boleh dibentangkan dan diluluskan dalam mesyuarat agung yang akan datang.

**Tindakan: ALK**

1.8 Puan Nazarina turut mengingatkan agar koperasi memastikan pengesahan modal syer dilakukan sebelum akhir tahun kewangan untuk dimasukkan dalam penyata kewangan. Beliau juga memaklumkan bahawa sehingga akhir Januari 2024, CodeX belum menghasilkan pendapatan. Oleh itu, beliau menasihatkan agar koperasi dapat menjalankan aktiviti-aktiviti walaupun dalam skala kecil. Beliau juga memaklumkan bahawa di daerah Kubang Pasu terdapat 153 koperasi kecil yang boleh menjadi peluang kepada CodeX untuk membangunkan sistem-sistem yang berkaitan.

**Tindakan: ALK**

1.9 Seterusnya, beliau menekankan pentingnya kehadiran dalam kursus wajib yang perlu diikuti oleh Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan terbuka kepada semua anggota koperasi. Puan Nazarina juga memaklumkan bahawa SKM masih menyediakan bantuan kewangan berjumlah RM300,000 dan pinjaman berjumlah RM 1 juta serta bantuan kewangan yang lain.

**Tindakan: ALK**

1.10 Puan Nazarina Harun seterusnya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-4 (MAT-4) Koperasi Pakar Digital Kedah Berhad.

## 2.0 MELANTIK PENGERUSI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI DAN PENCATAT MINIT.

2.1 Ts. Adi Affandi Ahmad mencadangkan Ts. Ali Yusny Daud dilantik sebagai Pengerusi MAT Ke-4 dan disokong oleh Prof. Madya Dr. Rahayu Ahmad. Dr Amran mencadangkan cadangan ditutup.

2.2 Encik Samsu Sajat mencadangkan agar Cik Atfa Humaira Ahmad Zaini dilantik sebagai pencatat minit bagi MAT Ke-4 koperasi. Cadangan ini disokong oleh Dr. Mohamed Ali Bin Saip. Ts. Adi Affandi Ahmad mencadangkan supaya pencalonan ini ditutup, dan cadangan tersebut disokong oleh Dr. Ahmad Suki Che Mohamed Arif.

2.3 Dr. Baharudin Osman mengesahkan bahawa korum kehadiran ahli bagi Mesyuarat Agung Tahunan Kali Keempat (MAT Ke-4) adalah seramai 45 orang (rujuk Lampiran A), berdasarkan senarai peserta yang hadir melalui aplikasi Zoom Meeting. Bilangan kehadiran ini memenuhi syarat korum untuk membolehkan MAT Ke-4 dijalankan.

**3.0 MELANTIK PENENTUSAH MINIT MESYUARAT MAT Ke-3 SERAMAI 10 ORANG YANG TERDIRI DARI KALANGAN ANGGOTA**

3.1 Setiausaha memaklumkan bahawa seramai **ENAM (6)** orang penentusah minit perlu dipilih dari kalangan anggota dan **EMPAT (4)** orang perlu dipilih dari kalangan ALK.

3.2 Senarai penentusah minit mesyuarat bagi Mesyuarat Agung Tahunan Kali Keempat (MAT Ke-4), bersama dengan nama pencadang dan penyokong adalah seperti berikut:

| Bil | Nama Penentusah | Pencadang | Penyokong |
|---|---|---|---|
| 1 | Ts. Dr. Juhaida Binti Abu Bakar | Dr. Mohamed Ali Bin Saip | Dr. Fazli Azzali |
| 2 | Dr. Fazli Azzali | Ts. Adi Affandi Ahmad | Prof. Madya Hatim Bin Mohamad Tahir |
| 3 | Dr. Shafinah Farvin Packeer Mohamed | Prof. Suhaidi Hassan | Dr Azman Ta'a |
| 4 | Dr. Juliana Wahid | Prof. Madya Dr. Rahayu Ahmad | Prof. Madya Dr. Mazni binti Omar |
| 5 | Encik Mohd Rushdi Bin Idrus | Prof. Madya Dr. Hasbullah Omar | Dr. Fazli Azzali |
| 6 | Prof. Madya Ts. Dr. Nor Hazlyna Harun | Dr. Fazli Azzali | Encik Samsu Sajat |
| - | Cadangan ditutup | Dr. Baharudin Osman | Dr. Amran Ahmad |

3.3 Ts. Adi Affandi Ahmad mencadangkan agar pelantikan penentusah minit seramai **EMPAT (4)** orang dari kalangan ALK dilantik semasa mesyuarat ALK dan disokong oleh Dr. Baharudin Osman.

**Tindakan: ALK**

**4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT AGUNG KETIGA BIL 3/2023**

4.1 Setiausaha, Dr. Baharudin Osman, membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ketiga (Bil. 3/2023) seperti yang terkandung dalam buku laporan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Keempat (MAT Ke-4).

4.2 Prof. Madya Dr. Mohd Khairudin Kasiran mencadangkan minit Mesyuarat Agung Ketiga (MAT Ke-3) Bil 3/2023 disahkan dan disokong oleh Dr. Fazli Azzali.

## 5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN TAHUNAN LEMBAGA KOPERASI 2022/2023

5.1 Cik Atfa Humaira Ahmad Zaini membentangkan Laporan Tahunan Lembaga Koperasi bagi tahun 2023/2024 berdasarkan dokumen mesyuarat, seperti yang terkandung dalam muka surat 19 hingga 38. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah seperti berikut:

| Bil | Aktiviti | Tarikh |
|---|---|---|
| 1 | Perkhidmatan Penerbitan – E-Buletin IASDO- 2023 | 2023 |
| 2 | Penerbitan Laporan Teknikal | 2023 |
| 3 | Perkhidmatan Domain | sepanjang tahun |
| 4 | Penjualan Medal I-RIA 2023 | Julai 2023 |
| 5 | Lawatan perbincangan dengan ILP Kangar berkaitan E-Learning | Mei 2023 |
| 6 | Digital Expert Sysmposium (deXsym 2023) | Nov 2023 |
| 7 | Bengkel Strategi Teknousahawan | 13 Feb 2024 |
| 8 | Retreat Gunung Jerai | 22–23 Feb 2024 |
| 9 | Penempatan Pelajar Industri | Jan 2023 |
| 10 | Pembangunan Aplikasi Air Kedah | Jun 2024 |
| 11 | Kolaborasi bersama Koperasi Anak Kedah | Feb 2024 |
| 12 | Pembangunan Sistem Akaun Felcra Bukit Tampoi | Jan 2024 |
| 13 | Pembangunan Sistem E-Conference | Jan 2024 |
| 14 | Sistem Pengurusan Keahlian Koperasi | Feb 2024 |
| 15 | Sistem E-Learning | Jun 2024 |

## 6.0 PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN BERAUDIT BERAKHIR 31 JANUARI 2022 DAN 31 JANUARI 2023

6.1 Dr. Khuzairi Mohd Zaini membentangkan Penyata Kewangan beraudit bagi tahun berakhir 31 Januari 2023 dan 31 Januari 2024, bersama-sama Laporan Pengurusan Juruaudit untuk tahun berakhir 31 Januari 2024, seperti yang terkandung dalam dokumen mesyuarat.

6.2 Dalam pembentangan Penyata Kewangan, beberapa perkara penting perlu diberi perhatian.

6.2.1 Pertama, koperasi perlu menyediakan aturan bagi kumpulan wang yang telah diwujudkan, seperti tabung kebajikan untuk anggota koperasi, yang akan dibincangkan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Koperasi (ALK) dan diedarkan kepada semua anggota.

6.2.2 Kedua, terdapat baki wang rizab statutori sebanyak RM11,901.00 pada 31 Januari 2024 yang belum diwakili oleh aset, dan isu ini juga akan dibincangkan dalam mesyuarat ALK yang akan datang.

6.2.3 Ketiga, wang tunai di tangan pada 31 Januari 2024 berjumlah RM2,171.15, yang diuruskan oleh Setiausaha, Dr. Baharudin Osman, semasa ketiadaan Bendahari, yang pergi mengerjakan haji. Jumlah awal wang tunai yang diperuntukkan adalah sebanyak

RM4,000.00 untuk pembayaran gaji dan keperluan lain ketika ketiadaan Bendahari.

6.2.4. Keempat, pembayaran untuk Akaun Deposit Koperasi telah diselesaikan sepenuhnya.

6.2.5 Kelima, pengesahan modal syer anggota belum dilaksanakan sepenuhnya, dengan kemungkinan berlaku keciciran semasa proses pemberian dividen dan pengesahan modal syer; semakan semula akan dilakukan untuk memastikan kesempurnaan pengesahan.

6.2.5 Akhir sekali, koperasi telah mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM20,950.26 pada tahun ini. Isu-isu ini akan dibawa untuk perhatian dan tindakan lanjut dalam mesyuarat ALK yang akan datang.

**Tindakan : Bendahari**

## 7.0 PEMBENTANGAN DAN KELULUSAN BELANJAWAN KOPERASI BAGI TAHUN 2023/2024.

7.1 Cik Atfa Humaira Ahmad Zaini membentangkan Belanjawan Koperasi bagi tahun 2024/2025 dan 2025/2026.

7.2 Ts. Adi Affandi Ahmad mencadangkan agar Belanjawan Koperasi bagi tahun 2024/2025 dan 2025/2026 diterima dengan pindaan, iaitu perkataan "honorarium JAD" ditukar kepada "elaun JAD". Cadangan ini disokong oleh Dr. Amran Ahmad.

**Tindakan: Bendahari**

## 8.0 LANTIKAN EMPAT ORANG ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (ALK) BAGI MENGGANTIKAN EMPAT ORANG ALK YANG GUGUR SECARA GILIRAN

8.1 Dr. Baharudin memaklumkan bahawa **EMPAT** orang anggota telah gugur secara giliran, iaitu Ts. Adi Affandi, Prof. Dr. Fauziah Baharom, Prof. Madya Dr. Hasbullah Omar dan En. Samsu Sajat.

8.2 Keputusan pencalonan ALK baru adalah seperti berikut:

| Bil | Calon | Pencadang | Sokongan | Undian |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Ts. Adi Affandi Ahmad | Dr. Amran Ahmad | Dr. Ahmad Suki Bin Che Mohamed Arif | **38** |
| 2 | Prof. Madya Dr. Hasbullah Omar | Dr. Amran Ahmad | Dr. Ahmad Suki Bin Che Mohamed Arif | 25 |
| 3 | Encik Mohd Samsu Sajat | Dr. Amran Ahmad | Dr. Ahmad Suki Bin Che Mohamed Arif | **35** |
| 4 | Prof. Madya Dr. Rahayu Ahmad | En. Mohd Samsu Sajat | Dr. Ahmad Suki Bin Che Mohamed Arif | 26 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 5 | Encik Rushdi Idrus | Prof. Madya Dr. Hasbullah Omar | Prof. Madya Dr. Rahayu Ahmad | **33** |
| 6 | Dr. Kamal Imran Mohd Sharif | Dr. Mohamed Ali Bin Saip | Prof. Madya Dr. Hasbullah Omar | **30** |

Keputusan : Ts. Adi Affandi Ahmad, Dr. Kamal Imran Mohd Sharif, Encik Mohd Samsu Sajat, Encik Rushdi Idrus telah dilantik sebagai ALK koperasi bermula sesi 2024/2025 untuk tempoh selama 3 penggal.

8.3 Dr. Amran Ahmad mencadangkan agar pencalonan ditutup, dan cadangan ini disokong oleh Prof. Madya Dr. Azman Ta'a.

**9.0 MELULUSKAN PELANTIKAN SATU PANEL YANG TIDAK KURANG DARIPADA DUA ORANG JURUAUDIT, YANG MERUPAKAN JURUAUDIT YANG DILULUSKAN OLEH SURUHANJAYA ATAU PEGAWAI SURUHANJAYA, UNTUK MENGAUDIT AKAUN KOPERASI;**

9.1 Prof. Suhaidi Hassan mencadangkan agar lantikan juruaudit luar diserahkan kepada Ahli Lembaga Koperasi (ALK). Cadangan ini disokong oleh Dr. Amran Ahmad. Dr. Baharudin Osman kemudian mencadangkan agar cadangan ditutup, dan disokong oleh Ts. Adi Affandi Ahmad.

**Tindakan : ALK**

9.2 Dr. Khuzairi Mohd Zaini mencadangkan agar **TIGA** orang Juruaudit dalaman dilantik semula, iaitu Ts. Ali Yusny Daud, Prof. Madya Nor Iadah Yusop, dan Prof. Madya Dr. Yuhanis Yusof, bagi tahun kewangan koperasi 2024/2025 dan 2025/2026. Cadangan ini disokong oleh Ts. Adi Affandi Ahmad. Cik Atfa Humaira Ahmad Zaini kemudian mencadangkan agar pencalonan ditutup, dan cadangan ini disokong oleh Dr. Amran Ahmad.

**Tindakan : Bendahari**

**10.0 MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI SEBANYAK RM1.5 JUTA.**

10.1 Cik Atfa Humaira Ahmad Zaini mencadangkan agenda ini diterima dan disokong oleh Dr. Kamal Imran.

**Tindakan : Makluman**

**11.0 MENIMBANG DAN MELULUSKAN RUANG LINGKUP HAD PELABURAN SEBANYAK RM100,000.**

11.1 Prof. Madya Dr. Rahayu Ahmad mencadangkan ruang lingkup had pelaburan sebanyak RM100,000.00 diluluskan dan cadangan ini disokong oleh Prof. Madya Dr. Hasbullah Omar.

**Tindakan : Makluman**

**12.0 MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA ADUAN ATAU USUL YANG BAGINYA SUATU NOTIS TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH (7) HARI SEBELUM MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KETIGA.**

12.1 Setiausaha memaklumkan bahawa tiada usul yang diterima untuk dipertimbangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kali Keempat, berdasarkan notis yang ditetapkan tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum mesyuarat.

**Tindakan : Makluman**

**13.0 HAL-HAL LAIN**

13.1 Dr. Kamal Imran Sharif mencadangkan agar diadakan satu Task Force yang khusus, terdiri daripada pakar-pakar, untuk mengimbas peluang dan potensi dalam membangunkan kreativiti serta idea bagi mencari peluang perniagaan yang baik.

**Tindakan : ALK**

**14.0 PENANGGUHAN MESYUARAT**

Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua anggota yang hadir dalam mesyuarat dan yang telah memberikan komitmen yang baik sepanjang mesyuarat dijalankan. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11:25 pagi.

Sekian, terima kasih.




Dicatat oleh:

**Cik Atfa Humaira Ahmad Zaini**
(Pencatat Minit)

Disemak Oleh:

**Dr. Baharudin Bin Osman**
(Setiausaha Koperasi)

**Disahkan oleh:**

| | |
|---|---|
|  <br>**Dr. Mohamed Ali Saip (ALK)** |  <br>**Dr. Amran Ahmad (ALK)** |
|  <br>**En Mohd Samsu Sajat (ALK)** |  <br>**Dr. Ahmad Suki bin Che Mohamed Arif (ALK)** |
|  <br>**Ts. Dr. Juhaida Binti Abu Bakar (Anggota)** |  <br>**Dr. Fazli Azzali (Anggota)** |
|  <br>**Dr. Shafinah Farvin Packeer Mohamed (Anggota)** |  <br>**Dr. Juliana Binti Wahid (Anggota)** |
|  <br>**En. Mohd Rushdi Idrus (Anggota)** |  <br>**Prof. Madya Ts. Dr. Nor Hazlyna binti Harun (Anggota)** |

## Lampiran A

## Senarai Kehadiran Anggota MAT Koperasi Kali Ke-4

| Bil | Nama Anggota | No Anggota |
|---|---|---|
| 1 | Abdul Halim Hafidz Bin Abdul Ghani | 20030015 |
| 2 | Adi Affandi Bin Ahmad | 20030002 |
| 3 | Ahmad Suki Bin Che Mohamed Arif | 20080054 |
| 4 | Ali Yusny Bin Daud | 20030024 |
| 5 | Alawiyah Binti Abd Wahab | 20030018 |
| 6 | Amran Bin Ahmad | 20030012 |
| 7 | Atfa Humaira Binti Ahmad Zaini | 23100060 |
| 8 | Azman Ta'a | 21010057 |
| 9 | Baharudin Bin Osman | 20030003 |
| 10 | Cik Fazilah Binti Hibadullah | 20030047 |
| 11 | Fazli Azzali | 20030032 |
| 12 | Hatim Bin Mohamad Tahir | 20030049 |
| 13 | Hapini Bin Awang | 20030007 |
| 14 | Hazaruddin Bin Harun | 20030036 |
| 15 | Juliana Binti Wahid | 20030041 |
| 16 | Juhaida Binti Abu Bakar | 20030022 |
| 17 | Kamal Imran Bin Mohd Sharif | 20040053 |
| 18 | Khuzairi Bin Mohd Zaini | 20030004 |
| 19 | Maslinda Binti Mohd Nadir | 20030014 |
| 20 | Mazida Binti Ahmad | 20030017 |
| 21 | Mazni Binti Omar | 20030039 |
| 22 | Mohd Hasbullah Bin Omar | 20030011 |
| 23 | Mohd Khairudin Bin Kasiran | 20030048 |
| 24 | Mohd Rushdi Idrus | 20030019 |
| 25 | Mohd Samsu Bin Sajat | 20030010 |
| 26 | Mohd Tarmizi Bin Musa | 20030027 |
| 27 | Mohd Zabidin Bin Husin | 20030050 |
| 28 | Mohamed Ali Bin Saip | 20030011 |
| 29 | Nor Farzana Abd Ghani | 20030045 |
| 30 | Noradila Binti Nordin | 20030020 |
| 31 | Nor Hazlyna Harun | 20030020 |
| 32 | Nor Laily Hashim | 20030037 |
| 33 | Nur Azzah Binti Abu Bakar | 20030029 |
| 34 | Nur Suhaili Binti Mansor | 22090059 |
| 35 | Rahayu Ahmad | 20030044 |
| 36 | Rohaida Binti Romli | 20090055 |
| 37 | Sharhida Zawani Binti Saad | 21120058 |
| 38 | Shafinah Farvin Packeer Mohamed | 20040052 |
| 39 | Shahrul Azmi Bin Mohd Yusof | 20030051 |
| 40 | Suhaidi Bin Hassan | 20030001 |
| 41 | Wan Hussain Bin Wan Ishak | 20030023 |

| | | |
|---|---|---|
| 42 | Yuhanis Binti Yusof | 20030033 |
| 43 | Zhamri Bin Che Ani | 20030038 |
| 44 | Zahurin Binti Mat Aji @ Alon | 20030034 |
| 45 | Zulkhairi Bin Md Dahalin | 20030028 |
| 46 | Muhammad Syafiq Bin Mohd Pozi | 20030026 |
| 47 | Rohaya Binti Dahari | 20030031 |
| 48 | Mohamad Farhan Bin Mohsin | 20030039 |
| 49 | Shahrudin Awang Nor | 20030042 |
| 50 | Nor Iadah Yusop | 20030030 |

# Laporan Tahunan Anggota Lembaga Koperasi Tahun 2024/2025

## MESYUARAT AHLI LEMBAGA KOPERASI 2024/2025

Koperasi perlu melakukan Mesyuarat Lembaga minimum sebanyak 4 kali setahun bagi memenuhi syarat penubuhan koperasi. Koperasi telah melakukan mesyuarat seperti butiran berikut:

| Bil | Mesyuarat ALK (Bil/Tahun) | Tarikh | Catatan |
|---|---|---|---|
| 1 | Mesyuarat ALK Ke-21/24 | 8 Oktober 2024 | Mesyuarat ALK |
| 2 | Mesyuarat ALK Ke-22/24 | 27 Oktober 2024 | Mesyuarat ALK |
| 3 | Mesyuarat ALK Ke-23/25 | 12 Februari 2025 | Mesyuarat ALK |
| 4 | Mesyuarat ALK Ke-24/25 | 22 April 2025 | Mesyuarat ALK |
| 5 | Mesyuarat ALK Ke-25/25 | 10 Julai 2025 | Mesyuarat ALK |

Kehadiran ALK ke mesyuarat adalah seperti berikut:

| Bil | Nama | Kehadiran | Catatan |
|---|---|---|---|
| 1 | Ts. Adi Affandi Bin Ahmad | 4/5 | Tidak hadir dengan kenyataan |
| 2 | Dr. Amran Bin Ahmad | 4/5 | Tidak hadir dengan kenyataan |
| 3 | Dr. Baharudin Bin Osman | 5/5 | |
| 4 | Dr. Khuzairi Bin Mohd Zaini | 3/5 | Tidak hadir dengan kenyataan |
| 5 | Prof Ts. Dr. Suhaidi Bin Hassan | 2/5 | Tidak hadir dengan kenyataan |
| 6 | Prof. Madya Dr. Azman Bin Ta'a | 4/5 | Tidak hadir dengan kenyataan |
| 7 | Prof. Madya Dr. Khairudin Bin Kasiran | 3/5 | Tidak hadir dengan kenyataan |
| 8 | Prof. Madya Kamal Imran Bin Mohd Sharif | 2/5 | Tidak hadir dengan kenyataan |
| 9 | Dr. Ahmad Suki Bin Che Mohamed Arif | 4/5 | Tidak hadir dengan kenyataan |
| 10 | Ts. Dr. Mohamed Ali Bin Saip | 5/5 | |
| 11 | En. Rushdi Bin Idrus | 5/5 | |
| 12 | En. Samsu Bin Sajat | 5/5 | |

# AKTIVITI OGOS 2024 SEHINGGA JULAI 2025

Bermula pada bulan Ogos 2024 sehingga Julai 2025, Koperasi Pakar Digital Kedah Berhad telah melakukan beberapa aktiviti bagi menjana pendapatan koperasi sekaligus menyokong perkembangan teknologi yang semakin hebat pada masa ini. Antara aktivti yang koperasi lakukan adalah seperti berikut:-

| | |
|---|---|
| **Aktiviti** | Perkidmatan Insuran |
| **Tarikh** | 22 Disember 2024 |
| **Tempat** | Koperasi Pakar Digtial (Codex) Kedah Berhad |




Perkhidmatan insuran merupakan salah satu inisiatif yang diambil oleh Koperasi Pakar Digital (CodeX) Kedah Berhad untuk menjana sumber pendapatan koperasi. Perkhidmatan ini dijalankan kerana insuran merupakan keperluan kepada orang ramai disamping mempunyai pasaran yang luas seperti insuran kenderaan dan insuran hayat. CodeX merupakan agen berdaftar dengan syarikat Etiqa Takaful dan layak untuk melaksanakan sebarang urusan berkaitan insuran. Sebagai agen Etiqa Takaful, CodeX memperolehi keuntungan sebanyak 10% bagi insuran kenderaan. Oleh itu, dengan pulangan ini dapat menjana pendapatan kepada pihak CodeX.

| | |
|---|---|
| **Aktiviti** | Perkidmatan Domain |
| **Tarikh** | 24 Disember 2024 |
| **Tempat** | Koperasi Pakar Digtial (Codex) Kedah Berhad |




Koperasi Pakar Digital (CodeX) Kedah Berhad menyediakan perkhidmatan domain kepada pelajar tahun akhir atau sesiapa sahaja sebagai sebahagian daripada inisiatif sokongan akademik. Perkhidmatan ini termasuk pakej Istimewa dengan kos RM30 untuk tempoh 4 bulan yang merangkumi domain 1GB, pengurusan pangkalan data mySQL, serta akses FTP untuk memuat naikdan pengurusan fail. Inisiatif ini bertujuan untuk memudahkan pembangun sistem dalam membangunkan dan menguruskan laman web mereka, meningkatkan Kemahiran praktikal dalam bidang teknologi maklumat, dan memperkukuh penglibatan mereka dalam membangunkan projek.

| | |
|---|---|
| **Aktiviti** | Bengkel ChatGPT 1.0 |
| **Tarikh** | 30 Disember 2024 |
| **Tempat** | Atas talian ( Zoom) |




Bengkel ChatGPT 1.0 diadakan untuk memperkenalkan kepada semua masyarakat tentang kecanggihan ChatGPT dan membantu peserta menggunakan ChatGPT semaksimum mungkin. Hanya dalam tempoh masa dua jam, peserta dapat mengetahui bahawa banyak *tools* ChatGPT yang dapat digunakan secara percuma untuk membatu menyelesaikan tugasan pengguna. Penceramah, Dr. Ahmad Suki memimpin bengkel ini yang dihadiri seramai 144 orang peserta yang diadakan secara atas talian dengan menggunakan platform ZOOM. Pelaksanaan bengkel ini juga merupakan salah satu inisiatif yang diambil oleh CodeX untuk menjana sumber pendapatan koperasi.

| | |
|---|---|
| **Aktiviti** | Perjumpaan antara Codex dengan ABM (MOU) |
| **Tarikh** | 1 Januari 2025 |
| **Tempat** | Bilik Mesyuarat ABM |







Pada 1 Januari 2025, Koperasi Pakar Digital (CodeX) Kedah Berhad telah mengadakan perjumpaan dan perbincangan di Akademik Binaan Malaysia (ABM) Sintok. Perjumpaan ini bertujuan untuk mengadakan MOU bersama Koperasi Binaan Malaysia (KOBINA) Utara Berhad dalam projek perkhidmatan insuran. ABM bersetuju untuk melakukan kerjasama dengan CodeX dengan membeli insuran kenderaan mereka melalui CodeX. Inisiatif ini dapat memperluas rangkaian pelanggan dan mencapai pertumbuhan yang mampan.

| | |
|---|---|
| **Aktiviti** | Pembukaan Both Codex Sewaktu AGM PERSATU |
| **Tarikh** | 21 Januari 2025 |
| **Tempat** | Fakulti Pengkomputeran, UUM |







Pada 21 januari 2025 Koperasi Pakar Digital (Codex) Kedah Berhad membuka booth semasa AGM PERSATU yang diadakan di Pusat Pengajian Pengkomputeran, UUM. Booth ini bertujuan untuk mempromosikan aktiviti koperasi kepada pensyarah UUM yang hadir ke AGM PERSATU. Antara aktiviti yang diiklankan sewaktu AGM ini ialah perkhidmatan insuran dan pencarian speaker bagi program yang akan dijalankan di bawah CodeX. Sebanyak 170 keping brosur yang dapat diagihkan kepada pensyarah UUM sewaktu AGM PERSATU. Pembukaan booth ini juga merupakan salah satu inisiatif yang diambil untuk mempromosikan aktiviti koperasi kepada pihak luar. CodeX juga boleh melakukan penerangan dengan lebih berkesan kepada orang ramai tentang pergerakan CodeX di dalam UMM, sekaligus dapat meningkatkan kepercayaan dan potensi untuk membuat insuran dengan CodeX.

| | |
|---|---|
| **Aktiviti** | Perjumpaan antara CodeX dengan Pusat Islam UUM |
| **Tarikh** | 12 Mac 2025 |
| **Tempat** | Bilik Mesyuarat Pusat Islam, UUM |



Pada 12 Mac 2025, Koperasi Pakar Digital (CodeX) Kedah Berhad telah mengadakan perbincangan bersama Pusat Islam UUM untuk membincangkan tentang sistem e-learning yang dicadang dibangunkan oleh CodeX. Wakil Codex telah menunjukkan demo kepada pengurusan Pusat Islam tentang penggunaan sistem tersebut. Pusat Islam berminat untuk menggunakan sistem ini kerana ingin bergerak aktif selari dengan perkembangan digital yang semakin maju. Inisiatif ini dijangka dapat memperluaskan lagi pasaran sistem yang dibangunkan oleh CodeX agar sistem ini dapat digunakan secara optimum oleh agensi luar yang memerlukan.

| | |
|---|---|
| **Aktiviti** | Perjumpaan antara CodeX dengan Unit Integriti UUM |
| **Tarikh** | 18 Mac 2025 |
| **Tempat** | Bilik Mesyuarat Unit Integriti UUM |




Koperasi Pakar Digital (CodeX) Kedah Berhad telah dijemput oleh Unit Integriti UUM untuk memberikan penjelasan tentang penubuhan CodeX di dalam UUM. Keterangan yang diberikan oleh mantan pengerusi CodeX telah meyakinkan Unit Integriti tentang penubuhan CodeX di dalam UUM. Perbincangan ini telah membuka ruang kepada CodeX untuk meluaskan pasaran dan membina rangkaian bersama fakulti, jabatan dan agensi lain yang terdapat di dalam UUM. Oleh itu, Codex boleh melakukan aktiviti di dalam UUM tanpa adanya halangan daripada mana-mana pihak.

| | |
|---|---|
| **Aktiviti** | Kunjungan Hormat CodeX ke CEDI UUM |
| **Tarikh** | 27 Mac 2025 |
| **Tempat** | Bilik Mesyuarat CEDI UUM |




Koperasi Pakar Digital (CodeX) Kedah Berhad telah mengadakan kunjungan hormat ke Co-orperative and Entrepreneurship Development Institute (CEDI) UUM untuk mewujudkan kerjasama dan meluaskan jaringan pasaran. Kunjungan hormat ini bukan sahaja untuk memperkenalkan CodeX kepada CEDI UUM semata-mata tetapi untuk CodeX mengambil peluang membentangkan beberapa sistem yang telah dibangunkan seperti e-learning dan sistem tempahan bilik bagi tujuan membantu CEDI UUM dalam mengerakkan aktiviti mereka. Kunjungan hormat ke CEDI UUM dapat mewujudkan kerjasama dalam merancang program bersama di masa akan datang.

| | |
|---|---|
| **Aktiviti** | Perjumpaan antara CodeX dengan SKM Wilayah Kubang Pasu |
| **Tarikh** | 6 Mei 2025 |
| **Tempat** | Bilik Mesyuarat InterNetWork Research Lab UUM |



Pada 6 Mei 2025, Koperasi Pakar Digital (CodeX) Kedah Berhad telah mengadakan perjumpaan dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah Kubang Pasu di bilik mesyuarat InterNetWork Researh Laboratory, UUM. Tujuan perjumpaan ini adalah untuk memperkenalkan barisan ALK yang baru kepada Penolong Pengarah baru SKM Kubang Pasu iaitu Encik Fitri Bin Mahamad Aziz. Pada pertemuan tersebut, pihak SKM telah membentangkan prestasi CodeX yang telah dinilai sejak penubuhan iaitu daripada tahun 2020 sehingga 2024. Banyak perkara yang dibincangkan bersama dalam menjaga nama baik CodeX agar dapat bersaing dengan koperasi-koperasi lain. Oleh itu, perjumpaan yang diadakan ini bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan CodeX dengan SKM sahaja, sekaligus dapat memberikan idea baru kepada CodeX untuk menjana sumber pendapatan CodeX.

| | |
|---|---|
| **Aktiviti** | Bengkel ChatGPT 2.0 |
| **Tarikh** | 17 Mei 2025 |
| **Tempat** | Atas Talian (Zoom) |




Koperasi Pakar Digital (CodeX) Kedah Berhad telah menganjurkan bengkel ChatGPT 2.0 yang dilakukan secara atas talian. Bengkel ChatGPT 2.0 ini menerangkan secara lebih terperinci tentang bagaimana kita ingin menggunakan peralatan yang ada di dalam ChatGPT secara percuma. Sebelum ini, CodeX telah menganjurkan Bengkel ChatGPT 1.0 yang bertujuan untuk memperkenalkan ChatGPT kepada orang ramai secara umum sahaja. Bengkel ini disambut baik oleh orang ramai dan didapati seramai 77 orang peserta telah mendaftar dan menyertai bengkel ini untuk mengetahui cara menguasai semua fungsi ChatGPT. Oleh itu, inisiatif yang dilakukan ini dapat manjana sumber kewangan CodeX untuk meneruskan keberlangsungan CodeX dan membuka minda orang ramai tentang kelebihan penggunaan ChatGPT.

| | |
|---|---|
| **Aktiviti** | Jemputan untuk Demo Sistem Tempahan Bilik pada KOIPDA |
| **Tarikh** | 20 Mei 2025 |
| **Tempat** | IPDA, Makmal Komputer. |




Koperasi Pakar Digital (CodeX) Kedah Berhad telah dijemput oleh Koperasi Intitusi Pendidikan Guru Kampus Darulaman (KOIPDA) untuk membuat demo tentang sistem tempahan bilik. KOIPDA berminat untuk menggunakan sistem ini bagi tujuan pendaftaran pelajar di tempat penginapan. Sistem ini dibentangkan oleh Dr. Amran Ahmad selaku ALK yang membangunkan sistem ini. Seramai 8 orang wakil KOIPDA hadir dalam perjumpaan ini untuk melihat bagaimana cara untuk menggunakannya. Sekiranya sistem ini dapat berfungsi dengan baik di Institusi Pendidikan Guru Kawasan Darulaman, KOIPDA akan meluaskan lagi pasaran dengan cara mendedahkan kepada IPG di seluruh Malaysia. Inisiatif ini diharapkan dapat membantu IPG dalam melakukan proses pendaftaran pelajar ke penginapan siswa itu dengan lebih cepat dan mudah dan seterusnya dapat menjana pendapatan kepada pihak CodeX.

| | |
|---|---|
| **Aktiviti** | Bengkel Web Hosting |
| **Tarikh** | 22 Jun 2025 |
| **Tempat** | Atas Talian (Zoom) |




